



English | Malay | Mandarin | Español

TENTANG BERNAMA AM POLITIK EKONOMI SUKAN RENCANA DUNIA E-NEWSLETTER WEB TV SENARA

Breaking News / Berita Tergempar

Laman Mikro » Perbankan & Kewangan • Auto • Penerbangan • Maritim • Pendidikan • Hartanah • Belia • eBiz • S Caria

AM > BERITA



Presiden/CEO MSM Sheikh Awab Meninggal Dunia

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) MSM Malaysia Holdings Bhd, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, meninggal dunia pada usia 56 tahun di Hospital Pantai Kuala Lumpur, tengah hari ini.

Allahyarham yang menghembuskan nafas terakhir di sisi keluarganya, menerajui syarikat pengeluar gula terbesar negara itu sejak 1 Jan, 2014.

"Barisan ahli lembaga pengarah, pengurusan dan kakitangan MSM amat sedih di atas kematian Allahyarham Sheikh Awab dan memanjatkan salam takziah kepada keluarganya," kata syarikat itu dalam satu kenyataan.

MSM turut menyuarakan penghargaan di atas sumbangan besar Allahyarham sepanjang tempoh perkhidmatannya di syarikat itu selama ini.

Allahyarham sebelum ini menduduki kerusi Pemangku CEO Malaysian International Merchant Bank dari 2003 hingga 2004, Presiden/CEO Affin Investment Bank dari 2005 hingga 2007 dan seterusnya menyandang jawatan Pengerusi PECD Bhd dari 2007 hingga 2010.

Sheikh Awab ketika ini turut berperanan sebagai Pengarah Percetakan Nasional Malaysia Bhd dan Pengerusi Jawatankuasa Kewangan dan Pelaburannya serta Pengerusi syarikat Axis Consultancy & Advisory Services.

Allahyarham turut menjadi ahli lembaga pengarah beberapa syarikat dalam Kumpulan Felda Global Ventures.

-- BERNAMA

[>> Senarai Berita](#)
[Purchase This News](#)

Kami menyediakan langganan
berita melalui perkhidmatan [Newswire](#).

Ketahui perkembangan dunia perniagaan dan ekonomi Malaysia menerusi

MALAYSIAeBiz *Mingguan*
Versi Bahasa Inggeris

MSM Malaysia Holdings Berhad (935722-K)

Level 44, Menara Felda, Platinum Park, No. 11,
Persiaran KLCC, 50088 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: +603 2181 5018 Fax: +603 2181 5015

www.msmsugar.com

Berita Utama Terdahulu

Hubungan Dua Hala Malaysia-Turki Semakin Kukuh Sejak FTA - Najib

Dr Zakir Naik Seorang Yang Bijak, Tidak Promosi Keganasan - Ahmad Zahid

Prosedur Operasi Standard Urus Keselamatan Aset Strategik Dikaji Semula - Ahmad Zahid

Berita Terkini Lain

Calon BN Bagi Tasik Biru, Meradong Dan Marudi Masih Jadi Teka Teki- politik

Perbincangan Mengenai Hentian HSR Masih Berjalan- ekonomi

Anugerah Khas FIH Bagi Almarhum Sultan Azlan Shah- sukan

Persembahan Mak Yong Diberi Nafas Baharu- rencana

Qatari Ministry Of Energy 'Optimistic' Ahead Of Doha Oil Producers Meeting- dunia

Berita Pilihan Tertinggi

Larangan Masuk Ke Sarawak Bukan Hanya Untuk Pembangkang - Adenan

Calon BN Bagi Tasik Biru, Meradong Dan Marudi Masih Jadi Teka Teki

Gempa Bumi Kuat Berukuran 6.1 Pada Skala Richter Landa Kyushu, Jepun

